

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- a) apakah usaha Kementerian dalam mempergiatkan pemberian vaksin kepada komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman dalam mencapai sasaran 'herd immunity' seperti yang dirancang dalam Pelan Pemulihan Negara; dan
- b) apakah jaminan bagi memastikan bekalan vaksin sentiasa mencukupi terutamanya untuk negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Pelaksanaan vaksinasi penduduk di kawasan pinggir bandar dan pedalaman adalah melalui kaedah jangkau luar atau *outreach* terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ini turut dibantu dengan bekalan vaksin satu dos jenis Cansino yang telah diagihkan khas ke negeri-negeri bagi vaksinasi khas untuk orang asli dan kategori lain seperti PATI atau golongan tanpa negara (*stateless*) di negeri tersebut.

## NO. SOALAN : 13

- b) Sehingga pada 28 September 2021, pelaksanaan vaksinasi di Sabah mencapai sebanyak 71.4% populasi dewasa menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin manakala 59.5% populasi dewasa telah lengkap dos vaksin. Dari segi agihan bekalan vaksin bulan Ogos, Sabah telah dibekalkan vaksin sebanyak 1.80 juta dos vaksin. Untuk agihan bekalan vaksin bagi bulan September pula, negeri Sabah masih adalah keutamaan di mana anggaran jumlah agihan vaksin bagi bulan September adalah sebanyak 2.84 juta dos iaitu hampir dua kali ganda bekalan vaksin bagi bulan Ogos 2021 dengan pecahan vaksin iaitu:
- i) 2,568,150 dos vaksin jenis Pfizer;
  - ii) 150,000 dos vaksin jenis Sinovac; dan
  - iii) 119,000 dos vaksin jenis Cansino.

Bekalan ini adalah untuk menampung strategi vaksinasi penduduk luar bandar atau pedalaman termasuk bukan warganegara seperti PATI, pelarian UNHCR dan golongan tanpa negara di Sabah. Melalui bekalan ini, Sabah dijangka mencapai 60% populasi dewasa lengkap divaksin pada 30 September 2021.

Sekian, terima kasih.